

The logo for 'CREATE e-newsletter' is displayed on a dark blue background. The word 'CREATE' is in a large, white, sans-serif font, with the letter 'R' highlighted in yellow. Below it, the words 'e-newsletter' are written in a smaller, white, lowercase, sans-serif font. A thin yellow horizontal line is positioned at the bottom of the logo area.

**CREATE**  
*e-newsletter*

## **Muhamad Al-Fateh dinobat Tokoh Siswa UMF**

Muhamad Al-Fateh Abd Razak, 22 dinobatkan sebagai penerima Anugerah Tokoh Siswa Universiti Malaysia Anugerah Teras Kepimpinan dan Anugerah Teras Pengucapan Awam pada Majlis Anugerah Kokurikulum Vistana Kuantan pada 19 Disember 2019 yang lalu.

Mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) itu diumumkan sebagai pe-

---

sebagai Pengerusi Jabatan Komunikasi dan Korporat, Majlis Perwakilan Pelajar 2018/2019.

Selain itu, anak jati Muar, Johor ini juga turut aktif dalam bidang pengacaraan, pengucapan awam dan de

Beliau juga aktif dalam penganjuran program, *Speaker Corner* dan terkini sedang aktif dalam penubuhan D

Anak bongsu kepada pasangan Ab Razak Ibrahim, 61, dan Fabilah Atan, 54 ini pernah mewakili UMP berpeluang berucap selama 30 minit membentangkan usul TN50.

Dalam ucapannya, beliau bersyukur dan teruja dengan anugerah yang diberikan dan menganggap ianya s kejayaan dan terus aktif di universiti.

Hadiah telah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Ts. Dr. M

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Zaini dan Inovasi), Profesor Ts. Dr. Kamal Zuhairi Zamli, Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan, Profesor Pembangunan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Dr. Ahmad Johari Mohamad.

Menurut Profesor Ts. Dr. Mohd. Rosli yang membacakan teks ucapan Naib Canselor, Malam Anugerah sebagai manifestasi apresiasi terhadap perkhidmatan dan sumbangan badan-badan pelajar serta para pengalaman kampus di UMP.

"Program ini juga membuktikan komitmen berterusan pihak pengurusan untuk mengiktiraf peranan s pembangunan universiti ini, khususnya dari sudut kemahiran insaniah yang dicirikan kecemerlangan jasm aspirasi Falsafah Pendidikan Negara.

---

“Nilai tambah daripada pelbagai inisiatif, program, projek dan aktiviti tersebut bukan sahaja (*enrichment*) pengalaman kampus semasa menuntut di universiti ini, tetapi lebih dari itu, memberikan impak kepada peningkatan keterampilan diri dan kebolehpasaran sebagai graduan,” katanya.

Menurutnya, bagi merangsang penyertaan dalam pelbagai gerak kerja kemahasiswaan berdasarkan bidang kejuruteraan, pihak pengurusan telah memperkenalkan beberapa inisiatif baharu untuk dimanfaatkan sebaik mungkin oleh mahasiswa.

“Ia dirumuskan bagi mengekalkan kecemerlangan daya saing dan kebolehpasaran graduan kita (*graduate employability*) bagi tahun ini.

“Selain transkrip akademik, kini para graduan juga boleh mendapatkan transkrip kedua yang dikeluarkan sebagai testimoni autoritatif mengenai penglibatan mereka dalam gerak kerja kemahasiswaan sepanjang penerbitan.

“Begitu juga *i-CGPA* turut diperkenalkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Perkhasa) sebagai inisiatif *x-CGPA* yang lebih bersifat holistik dan mendasar dengan tumpuan penaksiran kepada sepuluh aspek sikap dan profesionalisme, kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan, kemahiran penyelesaian masalah, maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat, keusahawanan, kreativiti, perpaduan dan patriotisme serta keuletakan.

Majlis turut menyaksikan penyampaian Anugerah Naib Canselor UMP dan Anugerah Teras Khidmat Komuniti oleh Mohd Nordin manakala Anugerah Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni serta Anugerah Kesukarelawanan telah dimenangi oleh Muhammad Taufiq A. Rahman.

Bagi Anugerah Teras Kesukarelawanan pula telah dimenangi oleh Mohamad Hanif Fitri Nordin dari Fakulti Kejuruteraan, Teras Kebudayaan telah dimenangi oleh Mohamad Firdaus Ab Hadi dari Fakulti Sains dan Teknologi Industri dan Anugerah Penasihat Terbaik telah dimenangi oleh Nur Izana Zaherman dari Fakulti Pengurusan Industri.

Anugerah Penasihat Terbaik telah dimenangi oleh Al Muhaimin Ali yang merupakan Pegawai Belia dan Mahasiswa Menganah UMP yang banyak mengharumkan nama universiti dalam sukan menganah.

Manakala Anugerah Teras Kesukanan telah dimenangi oleh Fadhil Ashraff Ab Rahim dari Kolej Kejuruteraan dan Teknologi.

Anugerah Kelab terbaik telah dimenangi oleh Perwakilan Mahasiswa Kolej Kediaman 4 (PEKA 4) dengan hadiah RM10,000 dan bagi Anugerah Kelab Harapan pula telah dimenangi oleh Sekretariat Kebudayaan dan Kesukanan.

---

**Alumni UMP diseru terus sumbang karya, i**

---

Alumni Universiti Malaysia Pahang (UMP) diseru agar meneruskan usaha menyumbang hasil karya membantu mahasiswa junior Sekretariat Kebudayaan UMP dengan mengekalkan warisan budaya di kampus.

Kehadiran seramai 23 alumni daripada *Chapter Alumni* (Kebudayaan) ini merupakan hasil inisiatif pihak beraja menganjurkan program Sepetang Bersama Alumni (Kebudayaan) UMP buat julung kalinya di Ho 2019 yang lalu.

Ia merupakan salah satu strategi untuk meluaskan jaringan alumni UMP yang bersesuaian serta men alumni.

Menurut Dekan Pembangunan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Dr. Ahmad Johari Moham atau universiti tempat mereka belajar ini dengan memberi sumbangan secara sukarela dapat mengekalka dan kelestariannya universiti ini.

“Setiap alumni melalui pengalaman daripada zaman belajar kepada graduan yang unik dan berbeza, just menyumbang kepada universiti dalam cara dan skala yang pelbagai.

“Kita seharusnya mengekalkan warisan budaya kerana ia melambangkan identiti sesebuah masyarakat kelompok masyarakat. Budaya ini sewajarnya seimbang dan tidak didominasi oleh budaya tertentu.

“Budaya ini bukan sekadar pada muzik dan seni persembahan namun kita boleh kembangkan ju mempertahankan diri, seni lukis, adab dan lain-lain lagi,” ujarnya.

Tambah beliau, apa yang kita dapat lihat hari ini golongan muda lebih cenderung untuk mengambil budaya

“Sepatutnya kita haruslah mempertahankan budaya etnik kita sendiri.

“Pihak universiti sentiasa mengalu-alukan sumbangan tenaga, idea alumni untuk terus membantu universiti

“Jika tidak dapat memberikan masa dan tenaga, alumni juga boleh menyumbang kepada sumbangan katanya.

Pada masa yang sama, para alumni turut berpeluang berkongsi perkembangan pencapaian UMP yang dis Ehwal Korporat dan Kualiti, Hazlina Faizal dan perkembangan terkini mengenai Pusat Kebudayaan yang Kanan UMP, Mohd Zaki Ahmad.

Presiden *Chapter Alumni* (Kebudayaan), Muhammad Azim Omar, 31 turut mengucapkan tahniah atas peringkat antarabangsa.

“Selama 10 tahun meninggalkan UMP banyak perubahan yang telah berlaku dan berbangga apabila K telah dinaik taraf kepada Sekretariat Kebudayaan dan Kesenian,” katanya.

Beliau yang kini bertugas sebagai Jurutera Sistem di Petronas ICT Sdn. Bhd. mengharapkan lebih banyak untuk berkenalan di samping dapat berkongsi idea untuk kebudayaan universiti dan dianjurkan pada masa

## Lakaran Sejarah Baharu MPP Tingkat Pemerkasaan M

Oleh: AHMAD RIFQI MOHD. JEROME RINJES, NAIB YANG DI-PERTUA (KOMUNIKASI DAN KORPORASI) 2019/2020 UMP

Tanggal 27 November 2019, satu sejarah baharu dilakar oleh mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP). Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah dijayakan sepenuhnya oleh mahasiswa UMP buat pertama kali mengikut tatacara perkembangan positif ke arah era pemerkasaan mahasiswa dan prapenubuhan kesatuan pelajar di UMP. Majlis Perwakilan Pelajar (PMPP), Jawatankuasa Induk Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (PMPP) merupakan Peranan jawatankuasa ini adalah untuk membincangkan dasar dan peraturan. Sejarah tercatat pada tahun 2019 bagi penglibatan bersama pelajar dalam jawatankuasa ini. Keanggotaan sebanyak 12 pelajar dan 11 staf apabila suara mahasiswa diangkat. 12 keanggotaan ahli jawatankuasa ini terdiri daripada dua orang mahasiswa persatuan fakulti.

Saudara Mohamed Al-Fateh Ab. Razak mengetuai jawatankuasa induk yang diwakili oleh mantan MPP baharu yang dibincangkan dalam Mesyuarat Bil.1 Jawatankuasa Induk PMPP adalah format baharu pemerkasaan parti. Para calon dibenarkan mewujudkan satu pakatan dengan satu logo kumpulan yang sama. Senarai calon digunakan mestilah didaftarkan pada hari penamaan calon. 42 kerusi dibuka bagi sesi ini berikutan daripada pengajian di UMP. Sebanyak 14 kerusi kawasan umum mematuhi AUKU, iaitu separuh daripada bilangan 28 kerusi yang akan diwakili oleh kawasan fakulti/jabatan/pusat. Hal ini juga membuka ruang dan peluang y

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) menggariskan enam hala tuju jelas selaras dengan tuntutan Kementerian Pendidikan mengangakat agenda pemerkasaan mahasiswa. Hal ini juga selari dengan misi dan visi MPP itu sendiri iaitu 'Akauntabiliti dalam kalangan pelajar selaras dengan aspek pemerkasaan mahasiswa'. Akauntabiliti di sini perlu ada dalam kalangan mahasiswa selaras dengan autoriti yang diberikan apabila terbentuknya Kesatuan Mahasiswa ialah 'Merealisasikan Majlis Perwakilan Pelajar UMP sebagai sebuah badan kepimpinan yang berintegriti'.



---

iaitu laluan fleksibel bagi artikulasi TVET sehingga ke tahap 6 dan 7.

Sistem ini juga merupakan sistem tunggal yang akan diguna pakai oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MCA) (JPK) dalam mengakreditasi program TVET yang ditawarkan oleh institusi TVET awam dan swasta (MQF). Dalam masa yang sama, kerjasama yang erat antara Kolej Vokasional, Politeknik, Kolej Komuniti (MTUN) dari segi sumber, peralatan, fasiliti, tenaga pengajar dan kepakaran sedang giat dijalankan. Tidak untuk menubuhkan Pusat Kecemerlangan (*Centre of Excellence*) setempat TVET di seluruh negara selagi TVET ini bagi mengatasi masalah pengangguran dan institusi TVET ini akan menjadi salah satu pintu keluar

Umum mengetahui bahawa UMP merupakan sebuah universiti teknikal dan teknologi di Malaysia. Pihak MPP memperkasakan program TVET. Dalam mencapai hasrat itu, pihak MPP juga akan bersama-sama melaksanakan TVET di universiti. Dalam memperkasakan pelaksanaan TVET, pihak MPP boleh melaksanakannya dengan latihan teknikal dan vokasional serta berkolaborasi dengan pelbagai pihak untuk mempromosikan universiti dan juga masyarakat luar.

Natijahnya, hasrat dan harapan semua dalam menjadikan MPP UMP sesi 2019/2020 menjadi nadi dan idea, pendapat, cadangan dan aduan ke arah pembangunan mahasiswa serta kejayaan universiti bukan pengurusan dan kepimpinan. Semoga segala usaha yang akan dilakukan ini mampu memberi pencapaian menjadikan mahasiswa dan generasi hadapan yang lebih berketerampilan dan mempunyai daya saing yang kejayaan MPP yang lalu akan menjadi satu pembakar semangat untuk ahli MPP pada sesi 2019/2020 menjadikan MPP sesi ini mempunyai identiti tersendiri dalam menjadi wadah penghubung antara mahasiswa

---

## **Pupuk Semangat Kesukarelawanan Mahasiswa**

Oleh: MOHD ZAKI AHMAD DAN MOHD RAIZALHILMY MOHD RAIS, PERSATUAN PEGAWAI TADBIR &

Kesukarelawanan bukanlah satu perkara yang asing dan baharu dalam masyarakat kerana ia telah wujud dalam kehidupan masyarakat sejak zaman-berzaman. Sukarela, membawa makna bekerja atas kemahuan sendiri dilihat ketika melaksanakan sesuatu kerja yang dilakukan secara bergotong-royong dan bekerjasama oleh

Malahan, menjadi sesuatu yang rutin kepada masyarakat kini apabila sesuatu kerja itu dilaksanakan secara sukarela dalam kehidupan manusia didorong oleh nilai-nilai budaya, ideologi, prinsip serta tradisi dan memberi imej yang baik bermasyarakat. Umpamanya, antara aktiviti yang menjadi tumpuan dalam aktiviti sukarela ialah seperti aktiviti beruniform yang secara langsung dapat meningkatkan keupayaan sesebuah komuniti yang khususnya golongan belia.

Menyedari akan kepentingan aspek kesukarelawanan ini, Universiti Malaysia Pahang (UMP) sentiasa menjangka agar terlibat dalam bidang kesukarelawanan. Hal ini memberikan kesedaran akan kepentingan untuk

---

mampu melahirkan seseorang mahasiswa yang bertanggungjawab terhadap isu-isu sosial yang wujud dan perlu melibatkan diri secara langsung bagi membantu menyelesaikan masalah ketidakseimbangan berkenaan. Apabila seseorang mahasiswa terlibat dengan aktiviti sukarela, pelajar tersebut dengan sendirinya tolong-menolong sesama manusia.

Budaya kesukarelawan dalam kalangan generasi muda perlu diperhebatkan kerana ia mampu meningkatkan hormat-menghormati dan toleransi antara kaum di negara ini. Kementerian Pendidikan mewujudkan tiga sistem pendidikan di negara ini iaitu kegembiraan, kasih sayang dan saling hormat menghormati. Justeru menyokong untuk meningkatkan aktiviti kesukarelawan dan khidmat bakti sejajar dengan teras kesukarelawan kalangan mahasiswa melalui kokurikulum berkredit. Mahasiswa harus didedahkan dengan ilmu pengetahuan sendiri yang menguji ketahanan mental dan emosi mereka. Penglibatan mahasiswa dengan aktiviti sukarela tahap pencapaian mereka dari aspek kurikulum dan kokurikulum, malahan dapat menyemai rasa tanggungjawab komuniti sekeliling yang berada dalam keadaan yang memerlukan.

Di negara Barat seperti di Amerika Syarikat, kesukarelawan menjadi intipati kepada intergrasi sosial yang keupayaan komuniti yang bermasalah. Oleh itu, UMP sentiasa menitikberatkan elemen kesukarelawan ini turun-temurun melalui kegiatan gotong-royong dan harus dijadikan sebagai wadah kepada pembangunan pendekatan di UMP, setiap program yang dilaksanakan menekankan aspek kesukarelawan melalui penglibatan.

Di UMP, mahasiswa amat digalakkan melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawan dengan sokongan dan serta jabatan-jabatan lain yang bersangkutan. Banyak aktiviti kesukarelawan dapat diterapkan kepada masyarakat Aceh, Kemboja dan Thailand. Mahasiswa juga dilibat sama dalam aktiviti-aktiviti kemanusiaan dalam negara lagi. Aktiviti Kesukarelawan tidak hanya tertumpu dan berhenti pada skop kemanusiaan sahaja. Mahasiswa kesukarelawan bersifat acara seperti menjadi ahli jawatankuasa penganjuran Sukan, Kebudayaan dan aktiviti tenaga fizikal dan buah fikiran. Oleh yang demikian, adalah disyorkan kepada JHEPA sebagai penyelaras untuk mempertimbangkan dan menyediakan satu kelebihan lain dalam aktiviti pelajar, seperti memberi jam kredit bagi menarik ramai lagi pelajar terlibat dalam aktiviti kesukarelawan.

“Keterlibatan institusi pendidikan tinggi dengan masyarakat dapat dilihat melalui sumbangan mereka dalam oleh masyarakat. Inisiatif seperti *Service Learning Malaysia - University for Society* memberi peluang kepada masyarakat dengan mengaplikasikan teori yang dipelajari di dalam kelas untuk menyelesaikan permasalahan (*classroom to community*). Melalui inisiatif itu, pengetahuan, inovasi dan teknologi yang dibangunkan oleh IPT boleh dipindahkan kepada masyarakat.

Pada masa sama ia perlu dikomersialkan agar dapat memberikan manfaat secara langsung kepada komuniti sosioekonomi negara. Era Revolusi Industri 4.0 mendedahkan bidang akademik kepada keadaan yang lebih sebagai teknologi pengganggu (*disruptive technology*) memerlukan ahli akademik yang mempunyai wawasan cabaran-cabaran baharu serta mempunyai kebijaksanaan untuk kekal relevan. Melihat kepada kepantasan Revolusi Industri 4.0, ahli-ahli akademik juga perlu cepat menangani perubahan serta mampu melakukan perubahan pelajar kita tidak ketinggalan.” - **Petikan ucapan YAB Perdana Menteri semasa Majlis Anugerah Akademik**

Peningkatan keterlibatan mahasiswa dengan aktiviti kesukarelawan dilihat sebagai petanda yang baik kerana dapat membangunkan personaliti yang mantap dalam kalangan mahasiswa. Mahasiswa perlu membina personaliti unggul seperti kemahiran berkomunikasi dan penyampaian berkesan, keupayaan menyesuaikan kekuatan jati diri dan rangkaian profesional serta kepimpinan.

Dalam usaha mencapai matlamat jangka panjang ini, pelbagai usaha dan inisiatif boleh dilakukan. Jelas bahawa kesukarelawan pastinya sifat kasih sayang dan prihatin terhadap persekitaran, komuniti, organisasi dengan hasrat kerajaan Malaysia untuk membentuk sebuah masyarakat penyayang menjelang tahun 2020 yang penting sebagai wadah kepada pembudayaan dan penghayatan semangat kesukarelawan.

---

Pembudayaan dan semangat kesukarelawanan ini perlu dilaksanakan seawal mungkin kepada golongan tersebut akan berlaku perkembangan mental dan emosi yang drastik. Golongan remaja pada hari ini perlu dan mampu berfikir dengan lebih luas sebelum membuat keputusan. Sebagai pengakhiran, golongan pe menyuntik semangat kesukarelawanan dikalangan belia. Ilmu kesukarelawan perlu dibangunkan secara dengan sifat dan falsafah kesukarelawanan secara berterusan.

---

## Perspektif Golongan Antivaksin Bertentangan Dengan Kaedah Fe

Oleh: PROFESOR MADYA DR. HASAN AHMAD  
e-Mel: [hassanahmad@ump.edu.my](mailto:hassanahmad@ump.edu.my)

Vaksin dari sudut perubatan moden dikenali sebagai penebat penyakit terutama yang berjangkit. Ia termasuk Malaysia dan terbukti dapat menghalang penyebaran penyakit bermula daripada peringkat b digunakan ialah *Measles, Mumps and Rubella* (MMR) bagi mengelakkan jangkitan difteria, demam ca meyebabkan keilatan kekal, kematian dan penyakit kronik secara un

Golongan antivaksin yang melandaskan hujah mereka kepada isu kehalalan vaksin adalah tidak berasas k Malaysia telah disahkan halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Kesihatan berhak untuk mempertikaikannya kerana JAKIM adalah satu badan autoriti tunggal pensijilan

Hujah golongan ini juga boleh ditolak atas kaedah fekah yang jelas kerana jika sekiranya ada keraguan a atau kandungan vaksin, kaedah usul fekah ada menyebut 'al-darurah tubih al-mahzurat' (Kemudaratn bermaksud ia dibolehkan dari sudut syarak. Dari sudut lain, penggunaan vaksin ke atas manusia adala mungkin ia diberikan jumlah dos berlebihan. Ini bertepatan dengan kedah lanjut kategori darurat dalam qadariha' yang bermaksud hanya kadar tertentu diharuskan dalam keadaan

Golongan antivaksin juga sebenarnya gagal memahami maqasid syariah yang merupakan teras 'al-din al

kerangka syariat adalah malang bagi umat Islam terutama golongan antivaksin yang mempengaruhi masyarakat. Sedangkan ia selari dengan maqasid syariah 'hifz al-nafs' (menjaga nyawa/kehidupan). Penyakit yang disebabkan oleh virus COVID-19 ini adalah ancaman kepada keselamatan manusia. Menjaga nyawa dan mengelakkan sebab yang boleh menyebabkan kematian adalah tuntutan agama.

Selain itu, pengambilan vaksin selari dengan sunnah Rasulullah SAW yang menyarankan manusia menjaga diri dan sebagainya seperti yang berlaku pada zaman Nabi. Walau bagaimanapun, pengambilan vaksin tidak bertentangan dengan pegangan aqidah Islam yang meletakkan kuasa Allah SWT sebagai pencipta dan pemelihara alam semesta.

**Penulis ialah Dekan Kanan, Kolej Pengurusan dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang**

## Sidang Editorial

### PENAUNG

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff  
[nc@ump.edu.my](mailto:nc@ump.edu.my)

### KETUA EDITOR

Zainuddin Mat Husin  
[zmh@ump.edu.my](mailto:zmh@ump.edu.my)

### EDITOR

Safriza Haji Baharuddin  
[safriza@ump.edu.my](mailto:sufriza@ump.edu.my)

### WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit  
[mimirabitah@ump.edu.my](mailto:mimirabitah@ump.edu.my)

Nur Hartini Mohd Hatta  
[nurhartini@ump.edu.my](mailto:nurhartini@ump.edu.my)

Nor Salwana Mohammad Idris  
[salwana@ump.edu.my](mailto:salwana@ump.edu.my)

### PENTADBIR WEB

MOHD SUHAIMI BIN HASSAN  
[mohdsuhaimi@ump.edu.my](mailto:mohdsuhaimi@ump.edu.my)

### PEREKA GRAFIK

Noor Azhar Abd Rasid  
[noorazhar@ump.edu.my](mailto:noorazhar@ump.edu.my)

### JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil  
[khairul@ump.edu.my](mailto:khairul@ump.edu.my)

Muhammad Naufal Samsudin  
[naufal@ump.edu.my](mailto:naufal@ump.edu.my)

### PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz  
[lin@ump.edu.my](mailto:lin@ump.edu.my)

Sidang Editorial berhak melakukan tindakan disiplin terhadap penulisan yang diterima untuk penyiaran selagi tidak disiarkan tidak semestinya mengabaikan dan sikap Buletin e-CREATE. Karya yang diterbitkan semula tanpa kebenaran Ketua Editor adalah tidak dibenarkan.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab terhadap pandangan yang dikemukakan yang dikirimi melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimi akan dipertimbangkan dan dikembalikan. Sumbangan karya bertulis akan dipertimbangkan dan dikembalikan kepada penerbit di:

EDITOR  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Pejabat Naib Canselor  
Canseleri Tun Abdul Razak  
Universiti Malaysia Pahang  
26600 Pekan  
Pahang Darul Makmur  
Tel.: 09-424 5000  
Faks: 09-424 5055  
e-Mel: [safriza@ump.edu.my](mailto:sufriza@ump.edu.my)

ISSN 1823-7487



9 771823 748004



5-Star World Class Technological University  
[www.ump.edu.my](http://www.ump.edu.my)



• 205 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

